

Soalan No: 30

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

**TARIKH :** 26.7.2017

**SOALAN :**

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) di Perak yang tidak ada Pengetua dan berapa lagi SMJK yang akan kekosongan jawatan Pengetua dalam 5 tahun akan datang. Nyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan pengetua di SMJK.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedar akan keperluan pengisian semua jawatan termasuk kekosongan pengetua/guru besar di sekolah. Sehingga 31 Disember 2017, dijangkakan terdapat sembilan kekosongan jawatan Pengetua di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) (*Conforming School*) di Negeri Perak, manakala berdasarkan unjuran lima (5) tahun SMJK di Negeri Perak akan kekosongan lima (5) jawatan pengetua.

Untuk mengatasi masalah kekosongan pengetua/guru besar di semua sekolah termasuk di SMJK, pihak KPM dan semua JPN telah dan sentiasa mengambil langkah tertentu termasuk menyediakan unjuran kekosongan pengetua/guru besar bagi tempoh tiga tahun. KPM sentiasa mengemaskini unjuran kekosongan pengetua/guru besar dari masa ke masa kerana kekosongan boleh berlaku berikutan penyandang sedia ada meninggal dunia/bersara pilihan selain daripada bersara wajib.

Bagi urusan pelantikan pengetua/guru besar di SMJK, KPM turut mengadakan perbincangan dengan Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) bagi mengenal pasti calon pengetua/guru besar di SMJK. Perbincangan tersebut diadakan lebih awal sekurang-kurangnya enam bulan sebelum kekosongan berlaku.

66

**SOALAN ( 31 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** LISAN

**TARIKH :** 26 JULAI 2017  
[ RABU ]

**DARIPADA :** TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI  
[PANDAN]

**SOALAN :**

**YB TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah perbelanjaan menganjurkan semua program TN50 setakat ini termasuk kos menganjurkan dialog (setiap satu), kos pengiklanan dan semua kos-kos lain.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai bentuk aktiviti telah diadakan dalam memastikan aspirasi rakyat dapat dikumpulkan dan pendekatan *bottom up* bagi pelaksanaan Transformasi Nasional 2050 berlaku dengan jayanya. Namun kerajaan turut mengambil pendekatan perbelanjaan berhemah dalam memastikan tiada pembaziran dalam pelaksanaan setiap aktiviti dan objektif aktiviti yang dilaksanakan tercapai. Sebagai contoh, kerajaan memutuskan supaya kementerian dan agensi menggunakan peruntukan sedia ada yang telah dirancang dalam anggaran belanjawan tahunan tahun 2017 untuk pelaksanaan aktiviti termasuk aktiviti TN50. Ini kerana kementerian dan agensi telah disaran untuk menyuntik elemen TN50 dalam aktiviti sedia ada dalam perancangan bersama kumpulan sasar masing-masing.

Secara tidak langsung, kerajaan boleh melakukan *engagement* dengan semua segmen rakyat bersesuaian dengan fungsi setiap kementerian dan agensi. Ini juga membolehkan pelan pelaksanaan penyampaian

perkhidmatan kepada rakyat kelak memenuhi aspirasi rakyat secara menyeluruh.

Oleh itu, bagi memastikan momentum dan penerimaan baik rakyat Malaysia terutama golongan belia terhadap agenda Transformasi Nasional 2050 berterusan, Kerajaan akan terus melaksanakan program dan aktiviti yang telah dirancang untuk tahun ini. Sehingga ini KBS telah dan akan melaksanakan jalinan kerjasama strategik dengan semua pemegang taruh (*stakeholders*) seperti jabatan dan agensi Kerajaan, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), pertubuhan-pertubuhan badan bukan Kerajaan (NGO), syarikat swasta dan sukarelawan bagi memastikan rakyat terutamanya golongan belia menghayati objektif pelaksanaan Program TN50 ini.

Sekian, terima kasih.

26 Julai 2017